



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 FEBRUARI 2021 (SABTU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |   |   |
|---|---|
| - Sampaikan maklumat tepat tentang vaksin | 4 |
|---|---|

**Berita Harian**

- |  |   |
|--|---|
| - Kenaikan kompaun pertingkatkan aspek pematuhan SOP | 6 |
| - Rentas negeri selepas 80 peratus rakyat divaksin   | 5 |



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 FEBRUARI 2021 (SABTU)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Sampaikan maklumat tepat tentang vaksin
Muka Surat	4

# 'Sampaikan maklumat tepat tentang vaksin'

6/4 27/2/2021 msy

Rakyat Malaysia perlu bantu kerajaan jayakan program imunisasi Covid-19

**PUTRAJAYA**

Rakyat Malaysia perlu membantu kerajaan menjayakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai vaksin Covid-19 kepada anggota keluarga dan masyarakat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Beliau berkata, ini kerana pengambilan suntikan vaksin Covid-19 adalah harus dan wajib bagi golongan yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia sebagaimana dijelaskan oleh Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Katanya, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga telah diberi suntikan dos pertama vaksin Covid-19 sebagai bukti kepada rakyat bahawa vaksin tersebut adalah selamat digunakan.

"Jauhilah segala perkongsian informasi yang diragui terutama dalam media sosial. Berikanlah kerjasama kepada usaha-usaha pemberian vaksin ini supaya ia dapat berjalan dengan lancar.

"Di samping itu, marilah berdoa semoga kita beroleh kemenangan dan kejayaan dalam perjuangan menentang dan menghapuskan penularan Covid-19 dari negara ini," katanya ketika menyampaikan khutbah Jumaat bertajuk



FOTO: BERNAMA

Zulkifli menerima suntikan vaksin 'Covid-19 jenis Pfizer BioNTech oleh Vaksinator, Muhammad Bakhrul Ulum Mohd Rashid di Pejabat Kesihatan Putrajaya pada Jumaat.

'Malaysia Prihatin: Peranan Bersama' di Masjid Putra di sini pada Jumaat.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang bertemakan 'Lindung Diri, Lindung Semua' dilaksanakan dalam tiga fasa bermula 24 Februari lalu.

Sementara itu, Zulkifli berkata, semangat Malaysia Prihatin adalah manifestasi cita-cita dan harapan seluruh rakyat Malaysia yang berganding bahu memerangi pandemik Covid-19.

"Kita perlu bersatu padu tanpa mengira ideologi politik dan meliputi segenap lapisan masyarakat, sama ada pihak kerajaan, pembangkang, penjawat awam, sektor swasta, sukarelawan maupun orang perseorangan," katanya.

Menurutnya, berkat kesatuan dengan semangat Malaysia Prihatin, Malaysia pernah membuktikan andaian JP Morgan bagi bilangan kes pada pertengahan April 2020 tidak terjadi.

"Tidak mustahil andaian bilangan kes oleh Institute for Health Metrics and Evaluation (IHME) pada Mac 2021 ini iaitu sebanyak 20,000 kes seharian, dapat

dinafikan dengan izin-Nya," katanya.

Dilaporkan, agensi penyelidikan JP Morgan meramalkan kadar jangkitan Covid-19 di negara ini mencapai kemuncaknya pada 14 April 2020 iaitu sebanyak 6,300 kes.

Katanya, dua ramuan utama bagi kejayaan memaknakan semangat Malaysia Prihatin itu adalah penekanan kepada perihal pentingnya keselamatan dan kesihatan.

"Dua elemen ini menjadi penentu kepada apa yang telah kita usahakan secara bersama sejak mula pandemik Covid-19 melanda negara.

"Pandemik Covid-19 yang melanda negara telah memberi kesan yang besar kepada pelbagai sektor terutama ekonomi, pendidikan, keselamatan dan sosial," katanya.

Zulkifli berkata, apa yang telah diusahakan oleh kerajaan Malaysia pada hari ini kesemuanya adalah untuk memastikan keselamatan dan kesihatan rakyat Malaysia amnya berada dalam kondisi yang sejahtera. - Bernama



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**27 FEBRUARI 2021 (SABTU)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Kenaikan kompaun pertingkatkan aspek pematuhan SOP
Muka Surat	6

# Kenaikan kompaun pertingkat aspek pematuhan SOP

Ketua Polis Negara sifatkan langkah wajar, tepat pada masa

Oleh Faris Fuad dan Siti Haliza Yusop  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kenaikan kadar kompaun kepada RM10,000 terhadap individu dan RM50,000 bagi syarikat adalah untuk meningkatkan aspek pematuhan prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pencegahan dan kawalan pandemik COVID.

Sambil menyifatkan langkah itu wajar dan tepat pada masanya, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata individu yang berulang kali melanggar SOP perlu mengambil serius kenaikan



Keratan akhbar BH, semalam.

kadar kompaun.

"Penganjur himpunan atau perjumpaan sosial secara haram dan pemilik premis hiburan secara terbuka melanggar SOP juga perlu takut dengan kadar maksimum yang dikenakan," katanya kepada BH semalam.

Kadar kompaun baharu itu akan

berkuat kuasa mulai 11 Mac ini, mengikut Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 yang diwartakan kelmarin.

Ketika ini, individu dan syarikat yang melakukan kesalahan itu, hanya dikenakan kompaun maksimum RM1,000.



Abdul Hamid Bador,  
Ketua Polis Negara

Seumia perbuatan menyalah Ordinan Darurat kini boleh ditangkap, manakala individu dijangkiti atau disyaki terkena jangkitan atau menjadi kontak pula boleh dipakaikan dengan peranti pengesanan.

Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 itu, diwartakan susulan Proklamasi Darurat dieluarkan Yang di-Pertuan Agong, mengikut Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan, pada 11 Januari lalu.

Abdul Hamid berkata, polis sentiasa tegas dalam menguatkuasakan undang-undang, terutama membabitkan kesalahan ingkar SOP.

"Tempoh ber amaran dan nasihat untuk mereka yang melanggar SOP sudah berakhir.

"Tindakan lebih tegas akan dilaksanakan, menunjukkan polis sentiasa dalam usaha membendung penularan jangkitan ini. Orang awam juga perlu berperanan patuh kepada SOP sedia ada," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi

Buang, menyifatkan penetapan kompaun maksimum RM10,000 sebagai *carrot and stick approach*, atau pendekatan melalui ganjaran dan hukuman bagi mendidik masyarakat mengenai pematuhan SOP.

Katanya, dari segi perundangan, apa yang dilakukan kerajaan tidak salah, tetapi penguatkuasaannya perlu meliputi semua lapisan masyarakat tanpa ada yang diberi keistimewaan.

"Kompaun itu dinaikkan berdasarkan perkembangan semasa yang mana masih ada kalangan orang awam yang sengaja tidak mematuhi SOP.

"Nasihat saya, sentiasa peka dalam pematuhan SOP dan rasanya ia bukan sesuatu yang sukar tambahan lagi selepas lebih setahun penularan COVID-19 berlaku di seluruh dunia.

"Cuma dari segi pelaksanaan undang-undang ini, ia perlulah meliputi semua. Ramai yang bising kerana pelaksanaan undang-undang sebegini ada masanya bersifat dua darjah," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
27 FEBRUARI 2021 (SABTU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Rentas negeri selepas 80 peratus rakyat divaksin
Muka Surat	5

Penularan COVID-19

# Rentas negeri selepas 80 peratus rakyat divaksin

BPA 27/2/2021 ms 5



Kerajaan belum timbang benar rentas sempadan walaupun program vaksinasi sudah bermula

Oleh Rohaniza Idris  
dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kelonggaran merentas sempadan daerah dan negeri akan dipertimbangkan jika 70 hingga 80 peratus rakyat sudah diberi vaksin COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata buat masa ini, Kementerian Kesihatan (KKM) belum mempertimbangkan kebenaran merentas daerah dan negeri walaupun program vaksinasi sudah bermula.

"Kita menjangkakan negara mencapai imuniti kelompok dalam tempoh enam hingga sembilan bulan.

"Sepanjang tempoh itu, kita menggunakan dua pendekatan iaitu kesihatan awam menerusi pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan strategi vaksinasi. "Kedua-dua pendekatan ini dijalankan seiring sehingga kita mendapatkan imuniti kelompok

iaitu 70 hingga 80 peratus daripada rakyat kita sudah diberikan vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi libat urus KKM bersama media yang berlangsung secara dalam talian, semalam.

Sebaik negara mencapai tahap imuniti kelompok disasarkan, Dr Noor Hisham berkata, pertimbangan turut diberikan untuk perjalanan rentas negara.

"Kita sudah ada perbincangan berhubung pasport imuniti sama ada kita boleh merentas negeri, negara dan sebagainya tetapi ini memerlukan data daripada negara lain juga.

"Namun perkara berkenaan masih dalam penelitian kerana kita memerlukan lebih banyak data. Mungkin dalam tempoh enam hingga sembilan bulan ini, kita boleh mendapatkan da-

ta terbabit.

"Jika negara kita dan negara lain sudah mencapai imuniti kelompok, mungkin kita akan pertimbangkan (perjalanan rentas negara)," katanya.

Mengulas lanjut mengenai imuniti kelompok, beliau berkata jangkaan dan penilaian yang dibuat KKM adalah berdasarkan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).